

PM pertahan hak jalin hubungan dagang, tak tunduk kuasa besar

Kebebasan menentukan arah serta bentuk hubungan antarabangsa adalah hak mutlak setiap negara berdaulat. Malaysia, sejak merdeka, berpegang teguh kepada prinsip berkecuali dalam hubungan antarabangsa, selaras dengan dasar ASEAN. Sejak penubuhan persepakatan serantau itu, dasar tidak berpihak menjadi asas penting dalam menjamin kestabilan Asia Tenggara, sekali gus mengelak daripada tunduk kepada tekanan kuasa besar dunia. Sejarah membuktikan pendekatan ini memberi manfaat kepada negara anggota ASEAN termasuk Malaysia dalam menjamin kestabilan politik dan ekonomi hingga dapat memacu pembangunan negara.

Namun dalam suasana geopolitik semakin berubah, cabaran baharu muncul. Dunia dahulunya dikuasai dua kuasa besar - Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Soviet - ketika era Perang Dingin, kini melalui transisi kepada dunia multipolar. Runtuhnya Tembok Berlin diikuti Tirai Besi pada awal 1990-an meletakkan AS sebagai kuasa unipolar, sekali gus menyaksikan bagaimana kuasa itu melanggar Iraq dengan dalih senjata pemusnah massa hingga menjadi detik awal kepada kekacauan di Asia Barat hingga hari ini, tetapi dengan kebangkitan China dan Russia serta BRICS dan beberapa kuasa ekonomi baharu dan kuasa lunak (*soft power*) umpamanya Turkiye, Qatar dan Emiriah Arab Bersatu (UAE), dunia kini berada di ambang peralihan ke arah multipolarisme. Perubahan ini memberi ruang kepada negara seperti Malaysia berperanan lebih bebas dan berani dalam hubungan diplomatik serta perdagangan antarabangsa.

Pendekatan Malaysia tidak berpihak ini membolehkan negara mengekalkan kedaulatan dalam menentukan dasar perdagangan dengan mana-mana negara tanpa perlu tunduk kepada kehendak atau tekanan mana-mana kuasa besar. Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Russia baru-baru ini mencerminkan keberanian kerajaan menjalin hubungan perdagangan dengan negara mungkin tidak disenangi sesetengah pihak. Namun, Malaysia tetap tegas bahawa hubungan itu adalah demi kepentingan rakyat dan ekonomi, sekali gus selari dengan usaha meningkatkan eksport komoditi seperti minyak sawit ke negara besar termasuk China, India dan Russia tanpa perlu memihak kepada mana-mana blok kuasa dunia.

Malah, dasar berkecuali Malaysia juga memberikan platform kepada Perdana Menteri untuk bercakap dalam isu global membabitkan keamanan. Contoh, Malaysia mengambil pendirian tegas dalam menyokong penyelesaian adil dan gencatan senjata demi memberikan keamanan kepada rakyat Palestin tanpa perlu bimbang akan reaksi kuasa besar tertentu, bahkan diungkapkan di hadapan pemimpin seperti Presiden AS, Joe Biden serta Canselor Jerman Olaf Scholz di laman mereka sendiri. Sikap berkecuali ini memastikan Malaysia terus berperanan sebagai suara moral dalam isu antarabangsa selaras dengan kepentingan kemanusiaan sejagat.

Justeru, dalam dunia semakin berubah, adalah penting untuk Malaysia terus mempertahankan dasar berkecuali dan kebebasan dalam menentukan hala tuju diplomasi serta perdagangan antarabangsa. Ini bukan sahaja memastikan kedaulatan negara terpelihara, bahkan meletakkan negara di posisi lebih strategik dalam landskap global semakin multipolar. Kestabilan dan keamanan dunia bergantung kepada keberanian negara seperti Malaysia untuk tidak tunduk kepada mana-mana kuasa besar, tetapi terus memperjuangkan prinsip adil demi kepentingan sejagat.